A

Rama Shankar a/l Thiyaga Rajan lwn Pendaftar Besar Bagi Kelahiran Dan Kematian Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia & Anor

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — SAMAN PEMULA NO BA-24NCvC-2156–11 TAHUN 2023
HAZIZAH KASSIM PK
6 SEPTEMBER 2024

C

Undang-undang keluarga — Pendaftaran kelahiran — Ibu bapa tidak berkahwin dan melahirkan anak — Deklarasi untuk menamakan bapa kandung di dalam sijil kelahiran — Sama ada mahkamah wajar membenarkan
D *permohonan plaintif — Sama ada nama plaintif boleh dimasukkan sebagai bapa kandung dalam sijil kelahiran kanak-kanak luar nikah yang beragama Islam menurut s 27(3) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) — Sama ada plaintif patut dihalang daripada mendaftarkan dirinya sebagai bapa kandung menurut s 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957*
E *— Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 s 3, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 ss 7, 13, 27 & Akta Relif Spesifik 1950 ss 41 & 42*

Defendan kedua ('RCS') dilahirkan pada 27 Ogos 2009 di Hospital Angkatan
F Tentera, Lumut Perak. Plaintif mengakui bahawa plaintif dan ibu RCS hidup. Oleh kerana plaintif beragama Kristian dan ibu RCS beragama Islam, perkahwinan mereka tidak didaftarkan. Plaintif telah membuat dua kali permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendaftarkan kelahiran RCS iaitu pada 15 Mac 2018 dan 3 September 2021. Akhirnya sijil
G kelahiran RCS telah dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Selangor pada 10 Oktober 2023 dengan catatan Pendaftaran Lewat Kelahiran. Oleh kerana sijil kelahiran RCS tidak mengandungi maklumat plaintif sebagai bapa kandung, plaintif telah membuat ujian DNA di Jabatan Kimia Malaysia untuk mengesahkan plaintif ialah bapa kandung RCS. Laporan Jabatan Kimia
H Malaysia bertarikh 23 Oktober 2023 menunjukkan bahawa plaintif merupakan bapa kandungan kepada RCS. Oleh yang demikian, plaintif memohon kepada mahkamah ini melalui saman pemula untuk Jabatan Pendaftaran Negara menamakan plaintif sebagai bapa kandung RCS dan satu Sijil Kelahiran baharu dikeluarkan untuk kanak-kanak bernama RCS dan
I diserahkan kepada plaintif yang mengandungi butir-butir plaintif sebagai bapanya. Isu-isu untuk penentuan adalah: (a) sama ada mahkamah ini wajar membenarkan permohonan plaintif; (b) sama ada nama plaintif boleh dimasukkan sebagai bapa kandung dalam sijil kelahiran kanak-kanak luar nikah yang beragama Islam menurut s 27(3) Akta Pendaftaran Kelahiran dan

Kematian 1957 (Akta 299); dan (c) sama ada plaintif patut dihalang daripada mendaftarkan dirinya sebagai bapa kandung RCS akibat s 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957.

Diputuskan, permohonan ditolak:

(1) Melalui saman pemula, relif yang dimohon oleh plaintif bukanlah perintah perisytiharan atau deklarasi di bawah Akta Relif Spesifik 1950. Apa yang dimohon oleh plaintif secara khusus adalah supaya nama plaintif dimasukkan dalam Sijil Kelahiran RCS. Mahkamah ini mendapati tiada relif deklarasi agar plaintif diisytiharkan sebagai bapa kandung kepada RCS dinyatakan dalam saman pemula. Dalam ketiadaan relif deklarasi dimohon oleh plaintif dalam saman pemula, saman pemula bukanlah permohonan paterniti seperti dalam kes *Lau Zhan Chen v Makoto Togase & Ors* [1994] MLJU 344. Oleh itu, relif yang dimohon oleh plaintif tidak wajar dibenarkan (lihat perenggan 20 & 24–25).

(2) Berdasarkan keputusan kes *Leow Fook Keong (L) v Pendaftar Besar Bagi Kelahiran dan Kematian, Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia & Anor* [2022] 1 MLJ 398 adalah jelas Mahkamah Persekutuan telah memberi penekanan yang khusus tentang adanya perintah deklarasi oleh mahkamah yang mengisytiharkan perayu sebagai bapa kandung kanak-kanak itu berikutan daripada keputusan DNA pemohon. Plaintif di dalam kes ini tidak mengemukakan apa-apa perintah mahkamah yang mengisytiharkan plaintif sebagai bapa kandung RCS berpandukan kepada laporan DNA. Defendan pertama tidak terikat untuk membuat pembetulan atau pindaan menurut s 27 Akta 299 (lihat perenggan 39 & 40).

(3) Berdasarkan s 13 Akta 299, untuk nama plaintif selaku orang yang mengaku sebagai bapa kandung RCS dicatatkan sebagai bapa di dalam sijil lahir, keperluan berikut hendaklah dipenuhi: (a) permintaan untuk mencatatkan nama plaintif hendaklah dibuat bersama-sama dengan ibu kandung defendan kedua; dan (b) plaintif dan ibu kandung RCS bersama-sama menandatangani daftar itu. Peruntukan dalam s 13 Akta 299 jelas dan nyata. Akta 299 tidak menghalang defendan pertama untuk mencatat nama plaintif di dalam sijil lahir RCS dengan syarat keperluan di dalam s 13 dipenuhi. Dalam pada itu, s 13 Akta 299 tidak meletakkan sebarang pengecualian bahawa perkembangan sains boleh mengecualikan permohonan bersama oleh ibu kandung RCS dan plaintif dikemukakan kepada defendan pertama di bawah s 13 Akta 299. Selain itu, dalam kes ini plaintif tidak memohon deklarasi berasaskan laporan DNA. Berdasarkan alasan-alasan tersebut, mahkamah ini mendapati plaintif sendiri yang telah gagal memenuhi keperluan

A undang-undang bagi membolehkan nama plaintif direkodkan sebagai bapa kepada RCS dalam sijil kelahiran RCS (lihat perenggan 47–49).

[English summary

B The second defendant ('RCS') was born on 27 August 2009 at Hospital Angkatan Tentera, Lumut Perak. The plaintiff admitted that the plaintiff and RCS's mother were alive. As the plaintiff was a Christian and RCS's mother was a Muslim, their marriage was not registered. The plaintiff has made two applications to the National Registration Department to register the birth of RCS on 15 March 2018 and 3 September 2021. Finally, the RCS birth C certificate was issued by the National Registration Department, State of Selangor on 10 October 2023 with the entry of Late Birth Registration. Since the birth certificate of RCS did not contain the information of the plaintiff as the biological father, the plaintiff has done a DNA test at the Department of Chemistry Malaysia to confirm that the plaintiff was the biological father of D RCS. A Department of Chemistry Malaysia's report dated 23 October 2023 shown that the plaintiff was the biological father of RCS. Therefore, the plaintiff applied to this court vide an originating summon for the National Registration Department to name the plaintiff as the biological father of RCS and a new Birth Certificate issued for the child named RCS and served to the E plaintiff containing the details of the plaintiff as the father. The issues for determination are: (a) whether this court should grant the plaintiff's application; (b) whether the plaintiff's name can be entered as the biological father in the birth certificate of a Muslim child out of wedlock pursuant to s 27(3) of the Births and Deaths Registration Act 1957 (Act 299); and (c) F whether the plaintiff should be prevented from registering himself as the biological father of RCS as a result of s 13 Births and Deaths Registration Act 1957.

Held, the application was dismissed:

G

(1) Through the originating summon, the relief sought by the plaintiff was not a declaratory order or declaration under the Specific Relief Act 1950. What the plaintiff specifically seeks was for the plaintiff's name to be included in the RCS Birth Certificate. This court found that there was no H declaratory relief for the plaintiff to be declared the biological father of RCS stated in the originating summon. In the absence of declaratory relief sought by the plaintiff in the originating suit, the originating summon was not an application of paternity as in *Lau Zhan Chen v Makoto Togase & Ors* [1994] MLJU 344. Therefore, the relief requested I by the plaintiff was dismissed (see paras 20 & 24–25).

(2) Based on the decision in *Leow Fook Keong (L) v Pendaftar Besar Bagi Kelahiran dan Kematian, Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia & Anor* [2022] 1 MLJ 398, it was clear that the Federal Court has placed special emphasis on the existence of a declaration order by the court declaring

the appellant to be the biological father of the child following the applicant's DNA results. The plaintiff in this case did not submit any court order declaring the plaintiff to be the biological father of RCS based on the DNA report. The first defendant was not bound to make corrections or amendments pursuant to s 27 of Act 299 (see paras 39–40).

(3) Based on s 13 of Act 299, for the plaintiff's name as the person who claims to be the biological father of RCS to be recorded as the father in the birth certificate, the following requirements must be met: (a) the request to record the plaintiff's name must be made together with the second defendant's biological mother; and (b) the plaintiff and RCS' biological mother jointly signed the register. The provisions in s 13 of Act 299 are clear and express. Act 299 did not prevent the first defendant from recording the plaintiff's name in the RCS birth certificate provided the requirements in s 13 are met. In the meantime, s 13 of Act 299 does not put any exception that the development of science can exclude the joint application by the biological mother of RCS and the plaintiff presented to the first defendant under s 13 of Act 299. In addition, in this case the plaintiff did not apply for a declaration based on the DNA report. Based on those reasons, this court found that the plaintiff himself had failed to meet the legal requirements to enable the plaintiff's name to be recorded as the father of RCS in RCS's birth certificate (see paras 47–49).]

Kes-kes yang dirujuk

Jabatan Pendaftaran Negara & Ors v A Child & Ors (Majlis Agama Islam Negeri Johor, intervener) [2020] 2 MLJ 277; [2020] 4 CLJ 731, MP (dirujuk)

Lau Zhan Chen v Makoto Togase & Ors [1994] MLJU 344, MT (dibeza)

Lai Yak Kee v Pembinaan Alam Cemerlang Sdn Bhd [2012] MLJU 1802; [2012] 1 LNS 1464, MP (diikut)

Leow Fook Keong (L) v Pendaftar Besar Bagi Kelahiran dan Kematian, Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia & Anor [2022] 1 MLJ 398; [2022] 1 CLJ 23, MP (dibeza)

Prestij Mega Construction Sdn Bhd v Personal Representative of Estate of Vinayak Pradhan Prabhakar (deceased) & Ors and other cases [2021] 11 MLJ 581; [2021] CLJU 235; [2021] 1 LNS 235, MT (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 s 3(3)

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 ss 4, 7, 10A, 13, 14, 27, 27(3), 28, 33(1)

Akta Relif Spesifik 1950 ss 41, 42

Francis Pereira (Francis Pereira & Shan bagi pihak plaintif.

Loh Xian Yee (Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor) bagi pihak defendan-defendan.

Hazizah Kassim PK:

PENDAHULUAN

[1] Saman pemula ini melibatkan permohonan oleh plaintif yang mengaku sebagai bapa kandung defendan kedua, seorang kanak-kanak yang berusia 15 tahun semasa saman pemula difailkan. Bagi tujuan alasan penghakiman ini, defendan kedua akan dirujuk sebagai RCS.

[2] Plaintif memohon untuk mendapatkan perintah-perintah berikut:

(a) defendan pertama mendaftarkan nama plaintif sebagai bapa kandung kanak-kanak yang dikenali sebagai RCS yang dilahirkan pada 27 Ogos 2009 di Hospital Angkatan Tentera, Pangkalan TLDM Lumut di dalam Sijil Kelahiran No ED 249350;

(b) satu sijil kelahiran baharu dikeluarkan untuk kanak-kanak bernama rcs dan diserahkan kepada plaintif yang mengandungi butir-butir plaintif sebagai bapa; dan

(c) relif selanjutnya atau lain-lain relif yang difikirkan adil dan suai manfaat oleh mahkamah yang mulia ini.

[3] Pada 3 Mei 2024, mahkamah ini telah menolak saman pemula plaintif tanpa perintah terhadap kos. Plaintif yang tidak berpuas hati telah memfailkan notis rayuan pada 15 Julai 2024.

FAKTA KES OLEH PLAINTIF

[4] RCS dilahirkan pada 27 Ogos 2009 di Hospital Angkatan Tentera, Lumut Perak. Ibu kandung RCS bernama Melania ak Ayom @ Norshamila Melania bt Abdullah, seorang wanita berbangsa Bidayuh yang telah memeluk agama Islam semasa berkahwin dengan seorang lelaki beragama Islam dan kemudiannya bercerai.

[5] Melalui afidavit sokongan, plaintif mengakui bahawa plaintif dan Melania hidup bersama. Plaintif turut menyatakan oleh kerana plaintif beragama Kristian dan Melania beragama Islam, perkahwinan mereka tidak didaftarkan.

[6] Hasil hubungan antara plaintif dan Melania, Melania melahirkan RCS selain seorang lagi anak perempuan yang dilahirkan pada 5 November 2010 di Hospital Selayang.

[7] Plaintif telah membuat dua kali permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendaftarkan kelahiran RCS iaitu pada 15 Mac 2018 dan 3 September 2021. Akhirnya Sijil Kelahiran RCS No Daftar ED2493 telah dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Selangor pada 10 Oktober 2023 dengan catatan Pendaftaran Lewat Kelahiran mengandungi antara lain butiran-butiran berikut:

Butiran Kanak-kanak:

Nama penuh: RCS

Tarikh dan waktu kelahiran: 27.10.2009 jam 3.54 pagi

Keturunan: Bidayuh atau Land Dayak

Warganegara: Malaysia

Agama: Islam

Butiran Bapa:

Catatan 'Maklumat tidak diperolehi' direkodkan pada bahagian nama, jenis pengenalan, umur, keturunan, taraf warganegara dan agama.

Butiran Ibu:

Nama: Nor Shamila Melania binti Abdullah

Warganegara: Malaysia

Keturunan: Bidayuh atau Land Dayak

Agama: Islam

[8] Oleh kerana sijil kelahiran RCS tidak mengandungi maklumat plaintif sebagai bapa kandung, plaintif telah membuat ujian DNA di Jabatan Kimia Malaysia untuk mengesahkan plaintif ialah bapa kandung RCS. Laporan Jabatan Kimia Malaysia bertarikh 23 Oktober 2023 yang ditunjukkan dalam eksh RS5 menunjukkan plaintif merupakan bapa kandungan kepada RCS.

HUJAHAN PLAINTIF

[9] Menurut plaintif, permohonan untuk memasukkan nama plaintif pada Butiran Bapa dalam Sijil Kelahiran RCS adalah disokong oleh laporan keputusan DNA yang dikeluarkan oleh Jabatan Kimia Malaysia yang merupakan bukti muktamad paterniti. Plaintif merujuk kepada kes *Lau Zhan Chen v Makoto Togase & Ors* [1994] MLJU 344 yang memutuskan ujian DNA boleh menyelesaikan isu paterniti secara muktamad.

[10] Plaintif turut berhujah bahawa s 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) adalah peruntukan yang tidak relevan untuk

A diguna pakai dalam kes ini bagi mendaftarkan plaintif sebagai bapa kandung RCS kerana semasa s 13 diluluskan pada tahun 1957, sains masih belum berkembang dengan cukup baik di negara ini.

B **[11]** Selain itu, plaintif menekankan dengan adanya keputusan ujian DNA defendan pertama mempunyai kewajipan undang-undang untuk memasukkan maklumat yang tepat dalam daftar kelahiran RCS. Plaintif juga bergantung kepada s 10A dan sub-s 27(3) Akta 299 bagi defendan pertama membetulkan Sijil Kelahiran RCS.

C HUJAHAN DEFENDAN PERTAMA

[12] Peguam Persekutuan yang bijaksana mewakili defendan pertama mengemukakan alasan-alasan berikut dalam membantah permohonan plaintif:

D

(a) RCS merupakan anak luar nikah yang mana tiada perkahwinan yang sah antara ibu kandung RCS dengan plaintif. Oleh itu pendaftaran kelahiran RCS dengan tidak memasukkan maklumat bapa kandung dalam sijil kelahiran adalah teratur menurut s 13 Akta 299;

E (b) catatan 'Maklumat tidak diperolehi' dalam siji kelahiran merupakan keterangan yang hendaklah diterima tanpa bukti menurut s 33(1) Akta 299;

(c) s 27 Akta 299 tidak terpakai kerana plaintif bukan memohon untuk meminda nama RCS dan umur RCS juga telah melebihi satu tahun. Oleh kerana pendaftaran kelahiran RCS telah dibuat secara teratur maka, seksyen 27 tidak terpakai;

F

(d) s 27 Akta 299 tidak mengatasi peruntukan s 13 Akta 299. Menurut defendan pertama, tiada kesilapan fakta yang berlaku ketika kelahiran kanak-kanak iaitu RCS yang memerlukan atau memberi kuasa kepada defendan pertama untuk membuat pembetulan pada Sijil Kelahiran RCS;

G

(e) menurut defendan pertama, berdasarkan prinsip undang-undang *generalia specialibus non derogant*, s 13 Akta 299 masih terpakai.

H

(f) defendan pertama enggan mengguna pakai keputusan kes *Leow Fook Keong (L) v Pendaftar Besar Bagi Kelahiran dan Kematian, Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia & Anor* [2022] 1 MLJ 398; [2022] 1 CLJ 23 atas alasan kes tersebut merujuk kepada sub-s 27(3) Akta 299 sebelum pindaan. Pindaan baharu dalam sub-s 27(3) telah dibuat melalui fasal 21 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2017 (Akta A1524) yang berkuat kuasa 1 Ogos 2017 yang meminda s 27 Akta ibu, iaitu — (a) dalam subseksyen (3), dengan memotong perkataan 'by entry (without any alteration of the original entry); dan

I

(g) peguam persekutuan turut membezakan pemakaian kes *Leow Fook Keong* atas alasan dalam kes tersebut agama dan bangsa bapa dan anak adalah sama yang mana dalam kes plaintif di sini, terdapat perbezaan agama dan bangsa antara plaintif dan RCS.

KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG

[13] Berdasarkan pengakuan plaintif berkenaan perkahwinan plaintif dengan Melania tidak dapat didaftarkan akibat perbezaan agama, mahkamah ini merujuk kepada s 3(3) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164). Subseksyen 3(3) Akta 164 memperuntukkan bahawa:

> Akta ini tidak terpakai bagi seseorang Islam atau bagi mana-mana orang yang berkahwin di bawah undang-undang Islam dan tiada perkahwinan boleh diupacarakan atau didaftarkan di bawah Akta ini jika salah satu daripada pihak-pihak kepada perkahwinan itu beragama Islam.

[14] Dalam konteks pendaftaran kelahiran, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) memperuntukkan tentang kewajipan mendaftar kelahiran anak yang lahir di Malaysia. Kewajipan mendaftar kelahiran ini turut terpakai bagi anak yang lahir dari ibu bapa yang tiada sijil nikah yang sah berdasarkan s 7 Akta 299. Seksyen 7 Akta 299 memperuntukkan seperti berikut:

> (1) Subject to the provisions of this Part, the birth of every child born in Malaysia shall be registered by the Registrar in any registration area by entering in a register such particulars concerning the birth as may be prescribed; and different registers shall be used and different particulars may be prescribed for live-births and still-births respectively:
>
> Provided that, where a living child is found exposed and no information as to the place of birth is available, the birth shall be registered by the Registrar for the registration area in which the child is found.

[15] Seksyen 13 Akta 299 ada memperuntukkan tentang pendaftaran kelahiran bagi anak tidak sah taraf sebagaimana berikut:

> Provisions as to father of illegitimate child
>
> Notwithstanding anything in the foregoing provisions of this Act, in the case of an illegitimate child, no person shall as father of the child be required to give information concerning the birth of the child, and the Registrar shall not enter in the register the name of any person as father of the child except at the joint request of the mother and the person acknowledging himself to be the father of the child, and that person shall in that case sign the register together with the mother.'

[16] Manakala s 27 Akta 299 memperuntukkan tentang:

Correction of errors and alteration in register

(1) No alteration in any register shall be made except as authorized by this Act.

(2) Any clerical error which may from time to time be discovered in any register may be corrected by the Superintendent Registrar, in such manner as the Registrar-General shall direct.

(3) Any error of fact or substance in any register may be corrected by the Registrar General upon payment of the prescribed fee and upon production by the person requiring such error to be corrected of a statutory declaration setting forth the nature of the error and the true facts of the case, and made by two persons required by this Act to give information concerning the birth, still-birth or death with reference to which the error has been made, or in default of such persons then by two credible persons having knowledge to the satisfaction of the Registrar General of the truth of the case; and the Registrar General may if he is satisfied of the facts stated in the statutory declaration cause such entry to be certified and the day and the month and the year when such correction is made to be added thereto.

(3A) Where the Registrar-General, the Superintendent-Registrar or the Registrar is satisfied that from an inquiry held under section 37B an error of fact or substance in any register exists, the error of fact or substance may be corrected by the Registrar-General.

(4) Where an error of fact or substance occurs in the information forwarded by a Coroner or Magistrate under section 24 the Coroner or Magistrate, if satisfied that such error exists, may certify under his hand to the appropriate Superintendent Registrar the nature of the error and the true facts of the case as ascertained by him, and the error may thereupon be corrected by such Superintendent-Registrar.

ISU-ISU UNTUK DIPUTUSKAN

[17] Berdasarkan kepada hujahan oleh kedua-dua pihak, berikut adalah isu-isu yang diputuskan oleh mahkamah ini:

(a) sama ada mahkamah ini wajar membenarkan permohonan plaintif;

(b) sama ada nama plaintif boleh dimasukkan sebagai bapa kandung dalam sijil kelahiran kanak-kanak luar nikah yang beragama Islam menurut s 27(3) Akta Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299); dan

(c) sama ada plaintif patut dihalang daripada mendaftarkan dirinya sebagai bapa kandung RCS akibat s 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957

ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH

[18] Setelah meneliti inti pati permohonan plaintif dalam saman pemula dan affidavit-afidavit yang difailkan serta pendirian oleh defendan pertama, dapatan mahkamah ini adalah sebagaimana yang diperincikan di bawah ini.

Isu 1: Sama ada mahkamah ini wajar membenarkan permohonan plaintif

[19] Bagi meyakinkan mahkamah ini supaya mengarahkan defendan pertama memasukkan nama plaintif dalam Sijil Kelahiran RCS, plaintif telah merujuk otoriti berkaitan isu paterniti dalam kes *Lau Zhan Chen v Makoto Togase & Ors* [1994] MLJU 344. Kes *Lau Zhan Chen*, berkaitan petisyen oleh pempetisyen untuk suatu deklarasi bahawa Lau Zhan Chen ialah anak sah taraf kepada Makoto Togase dan Lau Fatt Wan dan Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian hendaklah mendaftar semula kelahiran pempetisyen sebagai anak sah taraf dan menamakan Makoto Togase sebagai bapa kandung. Merujuk kepada relif tersebut, Abdul Malik Ishak J menyatakan permohonan tersebut adalah paternity petition. Berdasarkan keputusan DNA yang diperoleh dalam kes tersebut, Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan pempetisyen setelah memutuskan laporan DNA telah membuktikan isu paterniti secara konklusif.

[20] Pada hemat mahkamah ini, kes *Lau Zhan Chen* adalah berbeza dengan kes plaintif di sini. Melalui saman pemula, relif yang dimohon oleh plaintif bukanlah perintah perisytiharan atau deklarasi di bawah Akta Relif Spesifik 1950. Apa yang dimohon oleh plaintif secara khusus adalah supaya nama plaintif dimasukkan dalam Sijil Kelahiran RCS. Mahkamah ini mendapati tiada relif deklarasi agar plaintif diisytiharkan sebagai bapa kandung kepada RCS dinyatakan dalam saman pemula.

[21] Namun begitu, afidavit sokongan plaintif menyatakan, berdasarkan laporan DNA plaintif ialah bapa kandung kepada RCS. Berdasarkan bukti kukuh ini, plaintif menegaskan defendan pertama terikat untuk memasukkan nama plaintif dalam butiran bapa Sijil Kelahiran RCS.

[22] Seksyen 41 Akta Relif Spesifik 1950 memperuntukkan:

> 41. Any person entitled to any legal character, or to any right as to any property, may institute a suit against any person denying, or interested to deny, his title to the character or right, and the court may in its discretion make therein a declaration that he is so entitled, and the plaintiff need not in that suit ask for any further relief:
>
> Provided that no court shall make any such declaration where the plaintiff, being able to seek further relief than a mere declaration or title, omits to do so.

[23] Selanjutnya Mahkamah ini merujuk s 42 Akta Relif Spesifik 1950:

> 42. A declaration made under this Chapter is binding only on the parties to the suit, persons claiming through them respectively, and, where any of the parties are trustees, on the persons for whom, if in existence at the date of the declaration, those parties would be trustees.

[24] Mahkamah ini merujuk kepada kes *Prestij Mega Construction Sdn Bhd v Personal Representative of Estate of Vinayak Pradhan Prabhakar (deceased) & Ors and other cases* [2021] 11 MLJ 581; [2021] CLJU 235; [2021] 1 LNS 235, yang mana permohonan pemohon untuk mendapatkan deklarasi telah ditolak akibat kegagalan pemohon membuktikan kepada mahkamah tentang kelayakan pemohon disisi undang-undang.

[25] Dalam ketiadaan relif deklarasi dimohon oleh plaintif dalam saman pemula, mahkamah ini mendapati saman pemula (kandungan 1) bukanlah permohonan paterniti seperti dalam kes *Lau Zhan Chen*. Oleh itu, relif yang dimohon oleh plaintif dalam perenggan (1) tidak wajar dibenarkan.

Isu 2: Sama ada nama plaintif boleh dimasukkan sebagai bapa kandung dalam sijil kelahiran kanak-kanak luar nikah yang beragama Islam menurut s 27(3) Akta Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299)

[26] Plaintif mengakui bahawa plaintif dan Melania hidup sebagai satu pasangan, namun perkahwinan mereka tidak didaftarkan kerana perbezaan agama.

[27] Seksyen 3 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) memperuntukkan:

> (3) Akta ini tidak terpakai bagi seseorang Islam atau bagi seseorang yang berkahwin di bawah Hukum Syarak dan tiada sesuatu perkahwinan boleh diupacarakan atau didaftarkan di bawah Akta ini jika salah seorang daripada pihak-pihak kepada perkahwinan itu menganut agama Islam.

[28] defendan pertama telah mengemukakan carian pendaftaran perkahwinan dan mendapati tiada perkahwinan yang didaftarkan antara plaintif dan Melania, ibu kandung RCS. Justeru, mahkamah ini menerima fakta bahawa RCS merupakan anak luar nikah.

[29] Peguam cara plaintif yang bijaksana berhujah bahawa mahkamah ini terikat dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Leow Fook Keong (L) v Pendaftar Besar Bagi Kelahiran dan Kematian, Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia & Anor* [2022] 1 MLJ 398; [2022] 1 CLJ 23dan plaintif haruslah dibenarkan untuk mendaftarkan dirinya sebagai bapa kandung RCS. Menurut plaintif lagi, hak ibu kandung tidak terjejas sekiranya permohonan ini dibenarkan apatah lagi keputusan DNA mengesahkan kebarangkalian 99.9999% bahawa plaintif adalah bapa kandung RCS.

[30] Sebaliknya Peguam Persekutuan yang bijaksana memberi pandangan yang berbeza kerana sub-s 27(3) Akta 299 yang dirujuk adalah sebelum pindaan. Peguam Persekutuan juga berhujah yang plaintif sepatutnya

membuat permohonan bersama ibu kandung RCS menurut s 13 Akta 299. Isu ini telah dibangkitkan oleh Peguam Persekutuan sebagai alasan untuk membantah permohonan plaintif dalam saman pemula tersebut. Pada hemat mahkamah ini, persoalan mengenai isu ini telah dijawab dalam kes *Leow Fook Keong*.

[31] Mahkamah ini merujuk kes *Leong Fook Keong* dan adalah jelas bahawa ketika menjawab persoalan sama ada hak ibu akan terjejas kerana s 13 tidak diguna pakai, Mahkamah Persekutuan menyatakan hak itu tidak terjejas. Hal ini kerana sub-s 27(3) telah memberi kuasa kepada Pendaftar untuk membuat pembetulan — 'any error of fact or substance in any register may be corrected by entry dengan 'without any alteration of the original entry'.

[32] Perenggan 64 penghakiman dalam kes *Leong Fook Keong*, dirujuk, iaitu:

> [64] We can appreciate the decisions above; but with respect, these decisions are of little assistance in view of the fact pattern in our instant appeal. As we have repeatedly reminded, the appellant is not challenging the accuracy of the information recorded as at the time of registration of the birth of the child. That process is governed primarily by the requirements in ss 7, 13 and 13A. Those provisions deal with matters at the time of registration of the birth; they do not deal with matters post-registration. Neither is the appellant approaching the Registrar-General without any proof of his claim of paternity. *There is a valid court order staring at everyone in their face. Surely orders of the court cannot operate in vain and be of no effect. Compliance of such orders in fact offers shelter and protection to those who effect its terms — see s 14 of the Courts of Judicature Act 1964 (Act 91).*
>
> [65] *The object and scheme of Act 299 together with the relevant provisions, namely s 27 read with s 28 ought to have compelled the Registrar-General to carry out his statutory duties of correction and updating of records. In executing that function, the protection afforded by ss 13 and 13A to the mother and the putative father of an illegitimate child is unaffected.* (Penekanan ditambah.)

[33] Mahkamah ini turut memetik perenggan berikut dalam keputusan kes *Leow Fook Keong*:

> [52] ... *For the purposes in this appeal, the reasons for the lack of a joint request and agreement are really irrelevant. We find however that, given the circumstances in this appeal, the entry in the register, though rightly recorded as 'maklumat tidak diperolehi' no longer holds true.*
>
> [53] *Following the DNA results and more particularly, the order of court declaring the appellant as the biological father of the child, it cannot be now said that the information pertaining to the father of the child is or remains, unavailable or 'tidak diperolehi'.* The information is since known and made available through the order of court. Quite rightly and in keeping with the duties and obligations of maintaining a public record of births which is reliable and can be relied on, the Registrar-General cannot refuse the new information. It would make no sense for the Registrar-General to maintain a record or register where the information on the father of the child is now

A inaccurate or untrue. *On the contrary, in the face of the declaratory order, the Registrar-General would be failing in his statutory duties in not correcting the records in relation to the child's father.* (Penekanan ditambah.)

B **[34]** Berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan di atas, dapat dirumuskan bahawa terdapat dua cara untuk nama bapa kandung bagi anak luar nikah dimasukkan dalam sijil kelahiran anak tersebut, iaitu:

(a) permohonan secara bersama dikemukakan kepada pendaftar kelahiran oleh ibu kandung dan bapa kepada kanak-kanak itu menurut s 13 Akta C 299. Dalam konteks ini, undang-undang membenarkan pemasukan nama bapa kandung kanak-kanak meski pun melibatkan kanak-kanak yang beragama Islam. Mahkamah ini mengikuti keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Jabatan Pendaftaran Negara & Ors v A Child & Ors (Majlis Agama Islam Negeri Johor, intervener)* [2020] 2 MLJ D 277; [2020] 4 CLJ 731; and

(b) dalam keadaan yang mana tiada permohonan bersama dikemukakan oleh ibu kandung dan bapa kandung anak luar nikah, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Leow Fook Keong* memutuskan Pendaftar E mempunyai kewajipan undang-undang untuk menyelenggara rekod kelahiran dan kematian dengan maklumat yang terkini dan tepat. Oleh kerana nama bapa kandung telah diperolehi, maka pernyataan 'Maklumat Tidak Diperolehi' yang dicatat pada sijil lahir anak adalah tidak lagi tepat. Jika perenggan [53] penghakiman kes *Leow Fook* F *Keong* diteliti, Mahkamah Persekutuan telah meletakkan dua keadaan yang mana 'Maklumat Tidak Diperolehi' itu menjadi tidak relevan lagi untuk direkodkan dalam Sijil Kelahiran kanak-kanak dan perlu dibetulkan. Dua keadaan tersebut adalah apabila bapa kandung telah memperoleh keputusan DNA dan adanya perintah Mahkamah yang G mengisytiharkan pemohon tersebut sebagai bapa kandung kanak-kanak itu. Selanjutnya Pendaftar mempunyai kuasa statutori membuat pindaan dan pembetulan berdasarkan s 27 Akta 299.

[35] Berdasarkan sijil kelahiran RCS yang dikemukakan di mahkamah (eksh H RS2), maklumat ibu RCS ialah Nor Shamila Melania bt Abdullah dengan No KP 820716–13–5300 K, berketurunan Bidayuh atau Land Dayak dan beragama Islam.

[36] Plaintif ada mengemukakan ekshibit menunjukkan permohonan I Melania untuk keluar dari agama Islam. Namun tiada bukti yang menunjukkan sama ada Melania sudah tidak lagi beragama Islam. Pada hemat mahkamah ini, persoalan sama ada Melania masih lagi beragama Islam atau pun telah kembali ke agama asal tidak menjejaskan bidang kuasa Pendaftar untuk membetulkan maklumat dalam rekod sijil kelahiran RCS sekiranya

keperluan dalam kes *Leow Fook Keong* dipenuhi.

[37] Namun demikian, mahkamah ini sekali lagi mendapati fakta dalam kes *Leow Fook Keong* harus dibezakan dengan kes plaintif di sini kerana didapati plaintif gagal mengemukakan perintah deklarasi mahkamah yang mengisytiharkan plaintif adalah bapa kandung RCS atau memohon kepada mahkamah ini deklarasi sedemikian.

[38] Dalam kes *Leow Fook Keong*, perayu telah memperoleh satu perintah dari mahkamah Tinggi yang mengisytiharkan perayu sebagai bapa kandung kanak-kanak tak sah taraf setelah keputusan DNA diperoleh oleh perayu. Perayu dalam kes tersebut memohon supaya namanya direkodkan di dalam Sijil Kelahiran sebagai bapa kandung kanak-kanak tersebut. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan pendaftar mempunyai tugas undang-undang untuk memastikan maklumat adalah tepat mengenai kelahiran dan kematian. Keputusan Mahkamah Persekutuan dinukilkan semula di sini:

> [53] *Following the DNA results and more particularly, the order of court declaring the appellant as the biological father of the child, it cannot be now said that the information pertaining to the father of the child is or remains, unavailable or 'tidak diperolehi'.* The information is since known and made available through the order of court. Quite rightly and in keeping with the duties and obligations of maintaining a public record of births which is reliable and can be relied on, the registrar-general cannot refuse the new information. It would make no sense for the registrar-general to maintain a record or register where the information on the father of the child is now inaccurate or untrue. On the contrary, in the face of the declaratory order, the registrar-general would be failing in his statutory duties in not correcting the records in relation to the child's father. (Penekanan ditambah.)

[39] Berdasarkan perenggan [53] keputusan kes *Leow Fook Keong* adalah jelas Mahkamah Persekutuan telah memberi penekanan yang khusus tentang adanya perintah deklarasi oleh mahkamah yang mengisytiharkan perayu sebagai bapa kandung kanak-kanak itu berikutan dari keputusan DNA pemohon. Sehubungan itu, Mahkamah Persekutuan selanjutnya memutuskan bahawa:

> [54] *When approached with the latest information (as set out in the declaratory order of court), the registrar-general ought to have facilitated the correction or alteration as he is empowered to do so under s 27.* Correcting the records in the instant case would by no means render the information when first recorded at the time of birth of the child as inaccurate. Neither can it be suggested to run contrary to the interests or rights of the second respondent as mother of the child as accorded under s 13. That right remains intact as under s 27(3), while 'any error of fact or substance in any register may be corrected by entry', this is 'without any alteration of the original entry'. Hence, the issue of interference with the mother's rights and the matter of whether she was under an obligation to provide the name or details of the father of the child, does not arise. (Penekanan ditambah.)

[40] Harus dibezakan bahawa dalam kes plaintif di hadapan mahkamah ini, plaintif tidak mengemukakan sebarang perintah mahkamah yang mengisytiharkan plaintif sebagai bapa kandung RCS berpandukan kepada laporan DNA. Pada hemat mahkamah ini, defendan pertama tidak terikat untuk membuat pembetulan atau pindaan menurut s 27 Akta 299.

[41] Peguam Persekutuan turut menghujahkan bahawa kes Leow Fook Leong (supra) diputuskan sebelum sub-s 27(3) Akta 299 dipinda. Namun, tiada penghujahan lanjut dikemukakan oleh Peguam Persekutuan dalam menjelaskan mengapa keputusan Leow Fook Leong tidak terpakai kepada pindaan sub-s 27(3) tersebut.

Isu 3: Sama ada plaintif patut dihalang daripada mendaftarkan dirinya sebagai bapa kandung RCS akibat s 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957

[42] Melalui perenggan 9, 10 dan 11 afidavit sokongan plaintif mengakui bahawa Melania tidak dapat dikesan sejak tahun 2017 dan telah meninggalkan RCS dan adik RCS kepada plaintif untuk dijaga. Namun begitu, melalui perenggan 7 afidavit jawapan plaintif telah menyatakan Melania atau nama Islamnya Nor Shamila Abdullah telah memfailkan permohonan di Mahkamah Syariah untuk menukar nama dan agama kepada Kristian melalui afidavit bertarikh 19 April 2023. Bahkan, plaintif telah mengeksibitkan salinan notis permohonan, afidavit sokongan oleh Nor Shamila Abdullah @ Melania bertarikh 19 April 2023 yang mengandungi surat akuan berkanun bertarikh 5 April 2013 (RS7) di mahkamah ini. Namun, plaintif tidak memberi penjelasan tentang bagaimana dokumen terkini Melania diperolehi meski pun melalui afidavit sokongan plaintif mengakui tidak dapat berhubung dengan Melania sejak sekian lama. Tiada sebab mengapa plaintif tidak membuat permohonan menurut s 13 Akta 299.

[43] Plaintif melalui saman pemula memfailkan permohonan ini menurut seksyen 4, 7, 14, 27, 28, 32 dan 33 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299). Jelas sekali, plaintif tidak mengguna pakai s 13 Akta 299 yang memberi pengecualian kepada anak luar nikah. Plaintif turut berhujah, pemakaian s 13 Akta 299 sudah tidak relevan lagi dan tidak wajar diguna pakai dalam kes ini. Mahkamah ini memetik perenggan 18 hujahan bertulis plaintif seperti berikut:

> Apabila seksyen 13 dibentuk pada tahun 1957, sains belum berkembang dengan cukup baik untuk bukti DNA bagi menentukan paterniti. Sejak itu, dengan kemajuan sains dan teknologi, ia boleh ditentukan dengan hampir pasti bahawa seorang lelaki adalah bapa kandung kanak-kanak itu, dan ia adalah suatu bukti yang lebih kukuh daripada kata-kata ibu yang mengesahkan identity bapa kepada kanak-kanak itu.

[44] Mahkamah ini tidak dapat bersetuju dengan hujahan peguam cara plaintif yang bijaksana yang tidak disokong dengan nas undang-undang dan bertentangan dengan maksud asal s 13 itu sendiri. Pada hemat mahkamah ini, oleh kerana 13 Akta 299 merupakan peruntukan undang-undang yang masih kekal berkuatkuasa mahkamah ini terikat untuk memberi tafsiran terhadap peruntukan tersebut selaras dengan prinsip undang-undang matan sebagaimana diputuskan dalam kes *Lai Yak Kee v Pembinaan Alam Cemerlang Sdn Bhd* [2012] MLJU 1802; [2012] 1 LNS 1464, iaitu:

> [43] In interpreting statute, the court should not add or subtract any word. In *Affin Credit (M) Sdn Bhd v Yap Yuen Fui* [1984] 1 MLJ 169; [1984] 1 CLJ Rep 62; [1984] 1 CLJ 149, this court adopted the decision of the House of Lords in *Magor & St Mellons Rural District Council & Newport Corporation* [1952] AC 189, 191 in upholding the majority decision of the Court of Appeal which held that in the construction of a statute, the duty of the court is limited to interpreting the words used by the legislature and it has no power to fill in the gaps disclosed. To do so would be to usurp the function of the legislature.

[45] Seksyen 13 Akta 299 memperuntukkan Pendaftar hendaklah tidak mencatatkan ke dalam daftar nama mana-mana orang sebagai bapa kanak-kanak itu kecuali atas permintaan bersama oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak itu (OYMDSB); dan orang itu (OYMDSB) hendaklah dalam hal sedemikian menandatangani daftar itu bersama dengan ibu itu.

[46] Perenggan [51] dalam *Leow Fook Keong (L) v Pendaftar Besar Bagi Kelahiran dan Kematian, Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia & Anor* [2022] 1 MLJ 398; [2022] 1 CLJ 23 dinukilkan semula di sini untuk rujukan:

> [51] Section 13 prohibits the Registrar-General from entering the name of the purported father of the illegitimate child except where there is a request for such entry from both parents and they have both signed their agreement for such entry -see Form JPN.LM01 as set out in the First Schedule to the Births and Deaths Registration Rules 2019.

[47] Berdasarkan s 13 Akta 299, untuk nama plaintif selaku orang yang mengaku sebagai bapa kandung RCS dicatatkan sebagai bapa di dalam sijil lahir, keperluan berikut hendaklah dipenuhi:

(a) permintaan untuk mencatatkan nama plaintif hendaklah dibuat bersama-sama dengan ibu kandung defendan kedua; dan

(b) plaintif dan ibu kandung RCS bersama-sama menandatangani daftar itu.

[48] Peruntukan dalam s 13 Akta 299 jelas dan nyata. Akta 299 tidak menghalang defendan pertama untuk mencatat nama plaintif di dalam sijil lahir RCS dengan syarat keperluan di dalam s 13 dipenuhi. Dalam pada itu, s

13 Akta 299 tidak meletakkan sebarang pengecualian bahawa perkembangan sains boleh mengecualikan permohonan bersama oleh ibu kandung RCS dan plaintif dikemukakan kepada defendan pertama di bawah s 13 Akta 299. Selain itu, dalam kes semasa ini plaintif tidak memohon deklarasi berasaskan laporan DNA sebagaimana dalam kes *Lau Zhan Chen*.

KESIMPULAN

[49] Berdasarkan alasan-alasan yang diperihalkan di atas, mahkamah ini mendapati plaintif sendiri yang telah gagal memenuhi keperluan undang-undang bagi membolehkan nama plaintif direkodkan sebagai bapa kepada RCS dalam Sijil Kelahiran RCS. Dalam hal yang demikian, mahkamah ini menolak saman pemula tanpa perintah terhadap kos.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Muhamad Azham Marwan